

06/08/1997

Jangan hanyut dalam arus digital

Saya sempat menghadiri majlis pelancaran 15 Kertas Cadangan Permohonan Tender (CRFP) bagi projek perintis empat aplikasi perdana oleh Perdana Menteri (PM) kita di Hotel Nikko pada 26 Julai 1997 lalu.

PM telah memberi ucapan yang berisi kepada hadirin yang penuh sesak memenuhi dewan utama. Diikuti pula dengan majlis pelancaran yang gilang gemilang, canggih, berwarna-warni dan menimbulkan rasa Izzah (besar hati kerana Allah) akan pencapaian pemimpin dan rakyat Malaysia sehingga kini. Majlis pelancaran ini sebenarnya menjadi batu tanda utama dalam perjalanan Malaysia dan rakyatnya menuju Abad Ke-21 yang kian mencabar.

Satu ungkapan dari PM yang tidak dapat saya lupakan dan masih terngiang hingga kini ialah, "BE PREPARED, BEFORE YOU ARE CAUGHT UNPREPARED" atau "Bersedialah sebelum anda tertangkap atau terperangkap dalam keadaan tidak bersedia". Nasihat PM ini juga sebagai peringatan kepada seluruh rakyat Malaysia agar bersedia dari sekarang memandangkan kerajaan sendiri telah komited dan bersungguh-sungguh untuk membawa Malaysia ke Alaf Baru Abad Ke-21.

Ungkapan yang pendek itu membawa maksud dan implikasi yang besar kepada Malaysia dan rakyatnya di tahun yang mendatang. Koridor Raya Multimedia adalah bukti jelas sumbangan kerajaan untuk merealisasikan masyarakat bermaklumat menjelang tahun 2020. Kini, masyarakat pula yang perlu bersedia melakukan anjakan paradigma, berubah sikap, berfikiran positif, mempelajari teknologi baru dan membudayakan cara hidup baru yang kian hari tidak dapat lari dari pengaruh teknologi dan maklumat.

Dengan dunia sekarang sedang dalam arus perdana menuju Era Maklumat, adakah kita semua sudah bersedia? Atau kelak kita akan terkejut kerana terperangkap dalam keadaan tidak bersedia, walhal dunia sudah amat jauh meninggalkan kita? Saya ingin senaraikan beberapa perkara yang perlu kita ambil perhatian serius agar setiap perubahan yang sedang berlaku, terutamanya dalam Teknologi Maklumat, dapat kita adun dan serasikan mengikut ACUAN KITA sendiri.

Pendidikan: Maklumat yang mengalir pantas dan cekap akan memberi kesan yang besar kepada pembelajaran dan pendidikan. Bill Gates pernah menyebut bahawa dengan adanya Internet, seorang pelajar boleh memiliki ilmu dan pengetahuan dari ramai guru, iaitu dari seluruh pelosok dunia. Maka, sistem pendidikan kini yang bersifat tempatan, bersiri dan memiliki sistem saringan dalaman, akan menjadi tidak relevan dalam suasana baru. Kita perlu BERSEDIA dengan sistem pendidikan baru yang mengambil kira teknologi, maklumat yang dinamik dan perhubungan global yang kian mudah dan murah.

Undang-undang Siber: Internet telah menjadikan dunia semakin kecil dan keupayaan berkomunikasi secara multimedia semakin menjadi sebahagian dari hidup. Beratus juta manusia akan berinteraksi melalui media elektronik yang lebih dikenali dengan Dunia Siber. Maka dunia baru yang tidak mengenal halangan sempadan, masa dan tempat ini memerlukan undang-undangnya yang tersendiri. Kita sekali lagi perlu BERSEDIA untuk memastikan Undang-undang Siber yang sedang dibentuk memenuhi agenda dan acuan perdana Malaysia.

(END)